

SOALAN NO (421)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

SOALAN :

YB TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan indeks Gini Coefficient mengikut kaum yang mana Bumiputera dipecahkan kepada Melayu dan Bumiputera Bukan Melayu, jantina, bandar dan kampung, dan di setiap negeri.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pekali Gini yang dilaporkan oleh Kerajaan adalah berdasarkan data pendapatan yang dikutip melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPiR). PPiR dijalankan dua kali dalam tempoh lima tahun di mana data yang terkini adalah pada tahun 2016.

Perlu dimaklumkan bahawa PPiR dijalankan secara pensampelan (*sampling*) melibatkan isi rumah yang dipilih secara rawak berdasarkan struktur populasi penduduk. Kaedah pensampelan ini mengandungi keterbatasan (*limitation*) tertentu, yang antaranya termasuk data tidak dapat memberi gambaran yang boleh dipercayai (*reliable*) apabila melibatkan perspektif yang terlalu spesifik seperti di peringkat bandar, kampung atau suku kaum minoriti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, PPIR tidak dapat memberikan perangkaan pekali Gini Bumiputera dengan pecahan 'Bumiputera Melayu' dan 'Bumiputera bukan Melayu' kerana rangka soal selidik PPIR tidak mengklasifikasikan Bumiputera kepada 'Melayu' dan 'Bumiputera bukan Melayu'. Oleh itu, pekali Gini dalam jawapan ini hanya akan merujuk kepada Bumiputera secara keseluruhan.

Mengambil kira keterbatasan dan rangka soal selidik PPIR, berikut adalah perangkaan pekali Gini pada tahun 2016:

Pekali Gini Berasaskan Pendapatan, 2016

	2016	Lelaki	Perempuan
Malaysia	0.399	0.395	0.407
Etnik			
Bumiputera	0.385	0.380	0.402
Cina	0.411	0.402	0.409
India	0.382		
Strata			
Bandar	0.389	0.384	0.394
Luar bandar	0.364	0.356	0.389
Negeri			
Johor	0.354		
Kedah	0.393		
Kelantan	0.389		
Melaka	0.337		

	2016	Lelaki	Perempuan
N.Sembilan	0.380	0.392	0.406
Pahang	0.324		
P.Pinang	0.356		
Perak	0.362		
Perlis	0.327		
Selangor	0.372		
Terengganu	0.328		
W.P.Kuala Lumpur	0.378		
W.P. Putrajaya	0.369		
W.P. Labuan	0.398	0.404	0.395
Sabah	0.402	0.381	0.392
Sarawak	0.386		

Sumber: Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016

Sekian. Terima kasih.

Mac 2018

SOALAN : 422

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT
MERTA JAM)**

RUJUKAN : 10697

SOALAN :

PR-1361-T02049

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan jumlah perempuan di penjara, mengikut
pecahan umur, kaum, negeri dan jenis kesalahan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Rekod Jabatan Penjara Malaysia pada 22 Februari 2018 menunjukkan terdapat seramai 4,056 penghuni wanita yang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh institusi penjara. Daripada jumlah tersebut seramai 3,149 orang (77.6%) berumur di bawah 40 tahun dan seramai 409 orang (22.4%) berumur lebih dari 40 tahun. Selain itu, 1,881 orang adalah warganegara Malaysia manakala bakinya seramai 2,172 orang merupakan warganegara asing. Antara kesalahan yang dilakukan melibatkan kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, Akta Imigresen 1959/63 dan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.